



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SASTERA ISLAMI: PUASI UMAWI MENURUT GAGASAN AL-NADWI

MOHD ZUHDI BIN ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN ISLAM) MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya saya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Januari 2013

MOHD ZUHDI BIN ISMAIL
M20092000843



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat serta salam ke atas semulia-mulia makhluk, junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan inayah dan taufik-Nya dapat saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terima kasih yang tidak terhingga saya hulurkan kepada penyelia yang disegani dan dihormati Prof. Dr. Muhammad Bukhari Lubis atas galakan, teguran, motivasi serta tunjuk ajar dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Rakaman terima kasih juga kepada para pensyarah yang bertungkus lumus dalam memberi ilmu dan sahabat seperjuangan yang banyak memberikan semangat atas diri ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Sastera, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas layanan serta keperihatinan sepanjang saya berurus dengannya terutama Ketua Jabatan Dato' Paduka Dr Rosli Salaudin dan lain-lain pensyarah serta kakitangan Jabatan.

Seterusnya secara peribadi, kepada Prof. Madya Dr. Halim Ali, Prof. Madya Dr Azhar Hj Wahid dan Prof. Madya Dr Abdul Rahman Napiah pensyarah Jabatan Bahasa dan Kesusteraan Melayu UPSI, Prof Dr Mahzan Arshad, Dekan Siswazah UPSI dan Prof Madya Dr. Hajjah Salmah Ahmad, Pensyarah Kanan UKM. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana komen yang diberikan bagi menyempurnakan tesis Master saya.



Teristimewa buat yang memahami diri ini, ayahanda Ismail b Embong, ibunda tercinta Siti Zabidah bt Ahmad. Tanpa kalian siapalah diriku. Buat isteri tersayang yang banyak berkorban demi kejayaan dan kebahagiaan bersama, Rahibah bt Ghazali. Seterusnya buat puteri-puteri dan permata-permata hatiku Widad Amanie dan Wardah Hannanie, abi amat menyayangi kalian semua. Terima kasih atas segala pengertian dan pengorbanan yang telah dicurahkan selama abi berjuang dalam membina serta mengejar cita-cita. Semoga kebahagiaan yang berkekalan mewarnai kehidupan kita di hari mendatang.

Wassalam,

MOHD ZUHDI B ISMAIL
JABATAN KESUSTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pengamalan Sastera Arab Islami, khususnya puisi pada era kegemilangannya, iaitu era Umayyah. Pengkaji menjadikan gagasan metode dan teori Abū al-Ḥasan al-Nadwī sebagai analogi bagi asas pengamalan dan pematuhan (*ta’āmul* dan *taklīf*) kesusasteraan Islami pada era tersebut. Permasalahan kajian tertumpu kepada pengamalan (*ta’āmul*) yang berlaku pada era itu, merangkumi kandungan kesusasteraan (puisi) yang bercorak objektif dan pemikiran seperti tema, tujuan atau tajuk puisi serta kandungan gambaran kesenian yang menambahkan nilai keindahan hasil sastera seperti penggunaan perkataan dan gaya ungkapan. Dalam menentukan analogi bersesuaian, pengkaji menggunakan Gagasan al-Nadwī bagi melihat kebertanggungjawaban (*taklīf*) merealisasikan kesusasteraan Islami yang bersifat sarwajagat. Untuk mencapai ke arah itu, pengkaji mendapatkan data-data yang diperlukan dengan menggunakan penyelidikan perpustakaan dan digunakan dalam setiap bab. Dapatkan kajian menunjukkan gagasan yang dibentuk Abū al-Ḥasan al-Nadwī sesuai dan realistik bagi pengamalan kesusasteraan Islami. Walaupun tidak semua genre puisi era Umayyah diklasifikasikan sebagai Puisi Islami, tetapi ia memperlihatkan kepada kita semua betapa luas rangkuman kesenian Islami dan betapa banyaknya genre puisi Islami yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa dan budaya. Dapatkan kajian juga menunjukkan masyarakat Islam era moden memerlukan keseragaman ciri serta sifat per atau kaar kriteria aini Kesusasteraan Islami dalam menyelaraskannya, bersesuaian dengan nilai dan ajaran Islam.





ISLAMIC LITERATURE: UMAWI POETRY ACCORDING TO AL-NADWĪ'S IDEAS

ABSTRACT

This research aims to explore the practice of Islamic Arabic literature, especially the poetry during the glorious era, the Umayyad era. The researcher utilises the methods and theory of Abū al-Hasan al-Nadwī as analogy to the practicing and adherence to (*ta'āmul and taklīf*) Islamic literature of the era. The research problem focuses on the practice (*ta'āmul*) encompassing literary content (poetry) that is objective and philosophical in nature in terms of theme, purpose, poetry title, and also picture content that adds to the artistic beauty of the literature such as the use of words and style of expression . In determining the suitable of analogy, the researcher utilises the concept of al-Nadwī to determine accountability (*taklīf*) in the realization of Islamic literature which is universal in nature. For that purpose, the researcher has employed the library research methodology which is used for each of the chapter. The research finding reveals that ideas formulated by Abū al-Hasan al-Nadwī is suitable and realistic for the practice of Islamic literature. Although not all of the Umayyed poetic genres can be considered as Islamic, they reveal to us the inclusive nature of Islamic poetic genre that embraces diverse ethnicities, languages and cultures. The finding also reveals that the modern Muslim community requires Islamic literature which is uniformed in characteristics and attributes , in accordance with the values and teachings of Islam.





KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL	i
PERAKUAN	ii
DECLARATIAN OF THESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii-x
JADUAL TRANSLITERASI	xi

BAB 1 PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar belakang kajian	3-4
1.3 Pernyataan masalah kajian	4-6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Soalan kajian	7-8
1.6 Kepentingan kajian	8-9
1.7 Batasan kajian	9
1.8 Kerangka kajian	10
1.9 Definisi istilah	10-11

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	12-13
2.2 Sastera Islami dan hasilnya	
2.2.1 Kajian di Malaysia	13-17
2.2.2 Kajian di luar negara	17-20
2.3 Sastera era Umayyah	





2.3.1 Kajian di Malaysia	20-22
2.3.2 Kajian di luar negara	22-24
2.4 Metode Abū al-Ḥasan al-Nadwī mengenai Sastera Islami	
2.4.1 Kajian Abū al-Ḥasan al-Nadwī	24-25
2.4.2 Kajian tentang al-Nadwī	25-28
2.5 Kajian berkaitan	28-30

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	31
3.2 Metodologi	32
3.3 Reka bentuk kajian	32-35
3.4 Konseptual Gagasan al-Nadwī	36
3.5 Kesimpulan	36



BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN



4.1 Pengenalan	37-38
4.2 Takrifan sastera dan kaitannya dengan kritikan	38-42
4.3 Kesusasteraan Arab Umawi	42-45
4.4 Sejarah kritikan sastera Arab	45-48
4.5 Kritikan sastera era Umayyah	48-51
4.6 Realiti (<i>ta ‘āmul</i>)	
4.6.1 Sastera Arab dan transformasinya pada era Umayyah	51-56
4.6.2 Tema umum puisi era Umayyah	57-58
4.6.3 Tema khusus puisi era Umayyah	58-86
4.6.4 Konsep sebenar puisi era Umayyah	86-107
4.6.5 Gambaran kesenian yang menambahkan nilai keindahan hasil sastera (<i>shakl</i>)	107-116





4.7 Keber tanggungjawaban (*taklif*)

4.7.1	Definisi dan takrifan Sastera Islami	116-121
4.7.2	Kesarwajagatan Sastera Islami	121-122
4.7.3	Biografi Abū al-Hasan al-Nadwī	123-130
4.7.4	Pandangan al-Nadwī tentang sejarah sastera Arab	130-133
4.7.5	Sastera Arab menurut kaca mata Islam	133-136
4.7.6	Sastera Islami menurut al-Nadwī	136-182
4.8	Kesimpulan	182-187

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	188-189
5.2	Kesimpulan	
5.2.1	Kaitan sastera dengan Islam	189-194
5.2.2	Peranan sastera dalam Islam	194-197
5.2.3	Perbezaan Sastera Islami dengan lainnya	197-202
5.2.4	Sastera Islami dan sastera Arabi	203-207
5.2.5	Ciri-ciri umum Sastera Islami	205-214
5.2.6	Ciri-ciri estetik Sastera Islami	214-220
5.2.7	Ciri-ciri sasterawan Muslim	220-223
5.2.8	Iltizam Sastera Islami sebenar	224-228
5.2.9	Kesarwajagatan Sastera Islami sebenar	229-234
5.2.10	Manipulasi unsur Islam dalam kesusasteraan	234-236
5.2.11	Konsep Sastera Islami sebenar	237-238
5.2.12	Penuntutan kepada Sastera Islami masa kini	239-242





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
X

5.3 Cadangan

5.3.1 Keselarasan Sastera Islami 243-249

5.4 Penutup 249-250

6 BIBLIOGRAFI 251-256



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
أ	-	ض	d
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	'
ج	j	غ	gh
ح	h	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sh	ة / ه	h
ص	s	ء	'
		ي	y

Vokal Pendek	Vokal Panjang	Diftong
a —	ا —	
i —	ي —	ay ای —
u —	و —	aw او —

Sumber: Muhammad Bukhari Lubis & Ali Hj Ahmad (2006: 2-3)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan merupakan satu cabang kesenian atau kebudayaan yang begitu dititikberatkan oleh masyarakat Islam sejak zaman Rasulullah S.A.W, bahkan masyarakat Jahiliah juga menganggap kesusasteraan adalah seni kebudayaan yang begitu penting dalam kehidupan mereka.

Al-Qur'an al-Karīm sebagai sumber rujukan utama agama Islam tidak mengharamkan sastera khususnya puisi, tetapi menentukan pelbagai tema serta tujuan yang sesuai dengan nilai-nilainya. Dalam menjelaskan perkara ini secara kontemporari, al-Qur'an menganggap puisi merupakan seni dalam kehidupan, serta ungkapan nilai-nilai murni manusia. Seni yang mengilhamkan soal-soal kehidupan,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



bukanlah sekadar kesenian. Maka pendirian Rasulullah S.A.W mengenai puisi bersamaan dengan al-Qur'an.

Kesusasteraan telah mengalami era kemerosotan dan kegemilangannya, seperti yang berlaku kepada bidang-bidang kesenian yang lain. Antara zaman kegemilangan bagi kesusasteraan Islam ialah zaman Kerajaan Umayyah. Dapat diketahui tentang konsep sastera dari sudut perkembangannya berdasarkan kreativiti para sasterawan atau karyawan pada sesuatu era atau zaman. Begitu juga tentang skop dan bidang penulisan sastera sama ada berbentuk puisi atau lainnya. Pada era kerajaan Bani Umayyah, terdapat beberapa perubahan dari sudut konsep, dorongan terhadap pengkaryaan para sasterawan serta genre-genre sastera yang belum terdapat lagi pada era Jahiliah dan permulaan Islam (Subḥ, ‘Alī ‘Alī 1998: 9). Maka konsep-konsep sastera ini telah berkembang, serta terdapat juga tema-

tema yang baru diwujudkan bersesuaian dengan situasi negara pada ketika itu. Begitu juga penglibatan para karyawan dalam pengkaryaan mereka didorong oleh perasaan keinginan bagi mendapat hadiah dari pemerintah serta sifat fanatic terhadap individu, keturunan, pertubuhan dan sebagainya. Terdapat pelbagai kritikan mengenai sastera pada era ini, sama ada berbentuk Umawi, Arabi atau Islami.

Kajian ini merupakan analisis terhadap konsep puisi yang terdapat pada era Umayyah. Dalam menganalisis konsep tersebut pengkaji akan menggunakan pendekatan dan metode yang digagaskan oleh Abū al-Hasan al-Nadwī berdasarkan konsep sarwajagat Islam bagi membentuk ketulenan genre sastera terbabit.





1.2 Latar belakang kajian

Sebagaimana yang dimaklumi, Islam mempunyai konsepnya yang tersendiri mengenai akhlak, gaya hidup dan pegangan. Ia mengatur kehidupan individu dan masyarakat melalui prinsip-prinsip yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah ('Ajlān 'Abbās Bayyūmī 1988: 6).

Sesuatu yang tidak diragukan, untuk menghayati bidang kesusasteraan, perlulah difahami dan dikuasai laras-laras penulisan serta diketahui maklumat – maklumat yang disampaikan melalui setiap patah perkataan yang digunakan dalam penulisan.



kesusasteraan lebih menjurus kepada maksud dan matlamat yang membawa ke arah situasi berperangai, keindahan dalam perbicaraan dan berkonseptan pengajaran secara menyeluruh (Husayn, Naṣr al-Dīn Ibrāhīm, 2008a: 12). Manakala kesusasteraan Islam pada era kerajaan Umayyah merangkumi pemahaman mengenai tarbiah dan pengajaran, di samping konsep kesusasteraan tersebut telah ditambahbaikkan, berbanding dengan era sebelumnya. Pengkaji membuat kajian tentang 'Perkembangan puisi pada zaman kerajaan Umayyah' kerana pada zaman ini, perkembangan yang dialami dalam bidang kesusasteraan begitu ketara, khususnya puisi. Perkembangan Islam yang begitu pesat, pengaruhnya pula meluas, mengatasi negara-negara Arab dan bukan Arab, maka kesemua ini membuka lebaran yang begitu drastik ke arah perkembangan sastera ke setiap pelosok negara yang berada di bawah naungan Kerajaan Umayyah pada ketika itu. Kesan daripada perkara tersebut, kita dapat





lihat perkembangan sastera yang begitu pesat khususnya bidang puisi. Terdapat beberapa elemen lain yang mendorong ke arah perkembangan sastera yang pesat, antaranya galakan daripada pemerintah itu sendiri dengan memberi hadiah serta penghargaan kepada para sasterawan.

Di samping itu terdapat juga tema-tema penghasilan puisi yang telah diharamkan oleh Islam, tetapi telah dihidupkan kembali pada era Umayyah ini, antaranya caci dan cela (*al-naqā'iḍ*).

Terdapat juga tema yang belum di kenali sebelum ini, iaitu puisi berbau politik dan perkauman. Maka lahirlah dari tema-tema tadi kumpulan penyair yang tertentu. Untuk mengetahui hasil sastera (puisi) Islami serta ketulenannya pada era ini, perlulah dikaji konsepnya menurut gagasan yang dibentuk oleh Abū al-Hasan al-Nadwī. Beliau dianggap sebagai pencetus Sastera Islami¹ era moden dan merupakan pengasas serta pengurus pertama Liga Sastera Islami Sedunia.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Secara tradisi, kesusasteraan boleh dianggap sebagai sumber untuk mendapatkan ilmu pengetahuan mengenai alam, manusia dan kehidupan. Kesusasteraan juga dianggap sebagai pengawal bagi kelakuan manusia atau nilai moral mereka. Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada adat, budaya dan agama.

¹ Frasa ‘Sastera Islami’ akan digunakan sebagai penekanan dalam kajian ini.





Di samping itu, kesusasteraan mempunyai tugas yang penting untuk membentuk manusia kerana kesusasteraan mengandungi kebenaran dan menjadi wadah untuk menyampaikan pelbagai perutusan. Oleh sebab perkara-perkara ini begitu relevan dengan persoalan manusia dan kemanusiaan, maka pengetahuan mengenai kesusasteraan perlulah diutamakan seperti pengetahuan lain kerana pada dasarnya hasil karya kesusasteraan adalah penggerak kepada pemikiran masyarakat tentang alam sekeliling.

Penggunaan istilah ‘Kesusasteraan Islami’ merupakan satu topik yang hangat dibincangkan pada era 70-an dan 80-an, sehingga sesetengah beranggapan bahawa penggunaan kalimah ‘Islam’ selepas kata nama seperti ‘Makanan Islam’ tidak memadai penggunaannya dalam bidang kesusasteraan, kecuali digunakan perkataan

‘Islami’ yang bermaksud dari sudut pandangan Islam atau yang bersesuaian dengan nilai dan ajaran Islam. Penggunaan frasa Kesusasteraan Islami sesungguhnya mengelakkan pemahaman dan pemikiran yang salah (Rahmah bt. Ahmad Osman & ‘Adli b. Ya‘qūb, 2008: 153).

Apabila diamat-amati kesan Islam terhadap kesusasteraan pada era Umayyah, maka ternyata, ia menjadi kesinambungan daripada ciri-ciri sastera khususnya puisi yang terdapat pada era sebelumnya, di samping terdapat penambahbaikan berdasarkan Islam dan prinsip-prinsipnya. Kesusasteraan Islam pada era Kerajaan Umayyah merupakan satu revolusi kesenian yang mengalami satu evolusi yang begitu ketara dari era sebelumnya. Ketika itu Sastera Islam merupakan sumber utamanya serta meninggalkan impak yang ketara pada era-era selepasnya seperti era ‘Abbassi, Andalusi, Mamluki, dan era moden. Terdapat unsur yang mendorong ke arah





pengkaryaan dalam hasil seni, di samping pelbagai tema sastera. Sesetengah tema tersebut ialah kesinambungan daripada tema yang terdapat sejak era Jahiliah lagi, sesetengahnya pula merupakan tema yang ditambah baik atau yang baru diperkenalkan (tidak terdapat pada era sebelumnya).

Apabila muncul Kerajaan Umayyah, dorongan daripada pemerintah merupakan unsur terpenting yang menjadikan kegiatan sastera dapat menambat hati para sasterawan dan karyawan, agar berkecimpung dalam bidang seni ini, sehingga terdapat ramai dalam kalangan mereka yang menjadikan penglibatan mereka dalam pengkaryaan, sebagai cara untuk mendampingi dan mendekati pemerintah. Maka rentetan daripada fenomena tersebut, muncul tema-tema puisi yang belum didapati pada era sebelumnya berdasarkan situasi negara dan masyarakat pada ketika itu.



Dalam konteks penteorian dan pengamalan Sastera Islami, al-Nadwi dianggap sebagai tokoh sasterawan prolifik yang banyak menyumbang idea dan buah fikiran dalam merealisasikan Sastera Islami yang syumul dan sempurna. Justeru, tidak hairanlah beliau telah dilantik sebagai pengurus yang pertama Liga Sastera Islam Sedunia. Ideologi beliau diterapkan dalam gabungan ini serta menjadi wadah dan inspirasi Sastera Islami yang tulen selari dengan tuntutan Islam di mana-mana tempat dan era.

Pengkaji akan menganalisis konsep puisi pada zaman ini dari sudut kandungan objektif serta pemikiran pengkarya di samping nilai-nilai estetik yang terdapat dalam genre puisinya selari dengan Gagasan al-Nadwi. Hasil daripada kajian dan analisis





tersebut akan dibandingkan bagi mengkonsepsikan realiti Sastera Islami bersetujuan dengan tuntutan semasa dalam mengekalkan ketulenan sastera tersebut.

1.4 **Objektif kajian**

Objektif – objektif tersebut adalah untuk:

- a. Mengkaji dan mengenal pasti maksud kesusasteraan Islami khususnya puisi pada era Umayyah menurut Gagasan al-Nadwi.
- b. Mengkaji nilai-nilai puisi Islami yang dilaungkan oleh al-Nadwi berdasarkan penghasilan karya-karya penulisan pada era Umayyah
- c. Mengenal pasti konsep sebenar kesusasteraan Islami melalui pengamalan (*ta’āmul*) para sasterawan pada era tersebut sejajar dengan Gagasan al-Nadwi
- d. Mengenal pasti konsep sebenar Sastera Islami selaras dengan tuntutan Islam era moden berdasarkan konsep cetusan al-Nadwi.

1.5 **Soalan Kajian**

Kajian terhadap kesusasteraan Islami, khususnya pada era Umayyah, sama ada kajian mengenai personaliti seseorang sasterawan, ideologi sastera atau sastera secara umum, di samping unsur-unsur keagamaan yang ditonjolkan dalam bidang kesusasteraan pada era tersebut, akan memberi beberapa persoalan, antaranya:

- i. Adakah kesusasteraan pada era Umayyah menepati konsep sebenar kesusasteraan Islam menurut pandangan al-Nadwi?





- ii. Kerajaan Bani Umawiyah tidak dapat melebarkan pengaruhnya ke segenap pelosok tanah jajahannya. Terdapat permusuhan dan penguasaan ketika itu. Hijaz (Mekah, Madinah dan kawasan berhampiran), Iraq dan beberapa buah kawasan lain menjadi rebutan. Maka ia dikuasai oleh beberapa kumpulan, iaitu pengikut ‘Alī ibn Abī Ṭālib (r.a), golongan Umawiyah, Shiah dan penyokong ‘Abdu’Llāh ibn Zubayr. Adakah karya kumpulan-kumpulan di atas tidak tersenarai dari Sastera Umawi Islami menurut al-Nadwī?
- iii. Kajian tentang kesusasteraan Islami pada era ini tidak terkeluar dari apa yang dinyatakan para pengkaji. Adakah kesemua hasil sastera era Umayyah dianggap Sastera Islami menurut konsep ketulenan Gagasan al-Nadwī?
- iv. Apakah peranan Gagasan al-Nadwī dalam merealisasikan konsep ketulenan Sastera Islami era moden?



1.6 Kepentingan kajian

Kesusasteraan merupakan suatu warisan (*turath*) penting dalam Islam. Ia hendaklah dipelihara dan dijaga seperti warisan pengetahuan yang lain serta diwariskan dari satu generasi ke generasi yang lain. Antara kepentingan bagi kajian ini ialah:

- a. Menjelaskan maksud serta definisi kesusasteraan Islami menurut Gagasan al-Nadwī.
- b. Menjelaskan realiti kesusasteraan Islami khususnya puisi pada era Umayyah.
- c. Mengkonsepsikan ketulenan Islami dalam kesusasteraan yang didukung oleh Abū al-Hasan ‘Alī al-Nadwī.
- d. Menerangkan konsep sebenar Sastera Islami dalam menghadapi tuntutan semasa





melalui pandangan al-Nadwi.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini membatasi konsep dan hasil kesusasteraan khususnya puisi pada era tertentu sahaja (Kerajaan Umayyah), berpandukan kepada definisi sastera pada era berkaitan. Kajian ini dibatasi kepada pendekatan yang digagaskan oleh Abū al-Hasan al-Nadwi.


Metode yang digagaskan oleh al-Nadwi disesuaikan pengamalannya secara keseluruhan dengan pemfokusan ke era berkaitan (Umayyah). Perkara ini penting



1.8 Kerangka kajian

Dalam merangka kajian ini, pengkaji mengaturkan susunan kajian ini melalui rajah di bawah. Dari rajah ini dijelaskan susunannya mengikut bab dalam setiap kotak. Bab satu merupakan pendahuluan kajian, seterusnya bab kedua ialah kajian literatur dan bab ketiga ialah metodologi kajian. Bab keempat pula merupakan analisis dapatan dan perbincangan kajian, manakala bab kelima ialah kesimpulan dan cadangan kajian.





1.9 Definisi Istilah

Berikut dijelaskan beberapa istilah yang akan digunakan dalam kajian ini.

i. Sastera Islami

Dalam kajian ini Sastera Islami bermaksud ungkapan atau luahan seni, bermatlamatkan kemanusiaan, kehidupan dan kesejagatannya menurut rangkuman konsep pandangan sarwajagat Islam (al-Washmi, 2005: 76)

ii. Puisi Umawi

Puisi-puisi yang dihasilkan para sasterawan yang hidup pada era Umayyah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
11

iii. Umayyah

Pemerintah-pemerintah berketurunan Umayyah ibn ‘Abd al-Shams ibn ‘Abd al-Manāf.

iv. Gagasan al-Nadwi

Pendekatan-pendekatan (metode) ketulenan Sastera Islami menurut Abū Ḥasan ‘Alī al-Hasanī al-Nadwī (r.h).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi